



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
اویزیستی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



# PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM SARJANA MUDA AMBILAN SESI 2 2021/2022

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**UNIT PROMOSI & KEMASUKAN**  
**BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK**  
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

# SENARAI SEMAKAN

Untuk memudahkan urusan pendaftaran kemasukan saudara/i, sila **pastikan** bahawa perkara-perkara berikut telah dilakukan:

1. Semak status saudara/i di laman web ini iaitu :  
<https://medsi.upsi.edu.my/kemasukan/tawaran/>
2. Memilih **setuju terima/menolak penawaran**.
3. Memilih sah dan terima **Aku Janji Pelajar (Online)**
4. **Cetak** dari laman web Portal Kemasukan UPSI (*laman web semakan*), perlu diisi dan dibawa pada hari pendaftaran.
  - i. **Surat Tawaran Kemasukan (Online).**
    - Surat tawaran kemasukan (online) ini adalah **surat tawaran asal** dan hanya dikeluarkan sekali (1) sahaja. **Sila pastikan saudara/i membuat salinan yang secukupnya.**
  - ii. **Panduan Pengguna MyUPSI Portal**
  - iii. **Panduan Pembayaran Yuran Pengajian**
  - iv. **Yuran Pengajian**
  - v. **Sila lawati URL ini <http://medsi.upsi.edu.my/admission/A212/> untuk muat turun borang-borang berikut:**
    - a. Borang Pengesahan Pendapatan (B5)
    - b. Keperluan-keperluan seperti dalam nota makluman Permohonan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
    - c. Borang Perakuan Pelepasan Tuntutan Penempatan (**untuk pelajar Sarjana Muda Pendidikan sahaja**)
5. **Cetak Slip Jadual Kuliah pada 18 MAC 2022 (Jumaat) di MyUPSI Portal.**
6. Sila buat pembayaran yuran pengajian menggunakan kaedah portal pembayaran online **ePayment@UPSI atau JomPay mulai 3 MAC 2022 (KHAMIS)**. Manakala pembayaran di Cawangan Bank Islam di seluruh Malaysia hanya boleh dibuat mulai atau pada **4 MAC 2022 (JUMAAT) sehingga 13 MAC 2022 (AHAD)**.
7. Sila ‘upload’ (muatnaik) gambar berukuran paspot ke <http://umpc.upsi.edu.my> untuk urusan kad matrik/kad pelajar mulai **1 MAC 2022 (SELASA) dan selewat-lewatnya pada 8 MAC 2022 (SELASA)**.
8. **Sila ‘upload’ (muatnaik) satu salinan dokumen yang diperlukan (rujuk m/s 10) ke URL ini <https://ocais.upsi.edu.my/evaultonline/>** sebelum mendaftar pada hari pendaftaran di UPSI.

# SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN

## 1. Syarat Penerimaan Masuk

Tawaran masuk ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 1.1 Menjelaskan bayaran-bayaran seperti dinyatakan dalam tawaran kemasukan.
- 1.2 Anda mesti mengesahkan penerimaan tawaran ini dengan segera melalui laman web <http://medsi.upsi.edu.my/kemasukan/tawaran/>. Sekiranya Universiti tidak menerima pengesahan daripada anda, anda akan dianggap menolak tawaran dan seterusnya tawaran ini luput dengan sendirinya dan tempat anda akan ditawarkan kepada calon lain. **KAMI TIDAK AKAN MENGHANTAR PERINGATAN SECARA POS.**
- 1.3 **WAJIB** menjalani pemeriksaan kesihatan di **Pusat Kesihatan Universiti**, Universiti Pendidikan Sultan Idris;
- 1.4 Universiti berhak mendapatkan pendapat kedua (second opinion) untuk memastikan sama ada anda benar-benar sihat untuk belajar.
- 1.5 Tawaran ini **terbatas** sekiranya :
  - 1.5.1 anda adalah seorang Pegawai Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
  - 1.5.2 anda adalah **seorang penuntut** yang sedang mengikuti pengajian di maktab-maktab perguruan atau institusi-institusi pendidikan tinggi dalam atau luar negara atau sedang mengikuti program pendidikan jarak jauh atau seumpamanya di institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan.
  - 1.5.3 anda gagal melaporkan diri, walaupun anda telah mengesahkan penerimaan tawaran ini, kecuali kebenaran untuk mendaftar lewat setelah mendapat keizinan daripada pihak UPSI.
- 1.6 **UPSI berhak menarik balik tawaran** ini pada bila-bila masa atau ditamatkan pengajian anda pada mana-mana peringkat tempoh pengajian apabila didapati kenyataan dan maklumat yang anda berikan adalah tidak benar.

*Don't forget:*

Tempoh pengesahan menerima tawaran/ menolak tawaran sehingga 8 MAC 2022 (Selasa) sahaja!!!!



## 2. Etika Pelajar

Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki:

- 2.1 mematuhi undang-undang negara dan undang-undang Universiti iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012), Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah dan Peraturan dan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa Universiti dari semasa ke semasa;
- 2.2 sentiasa memelihara nama baik Universiti dan menjaga harta serta kemudahan-kemudahan perkhidmatannya dari dirosakkan oleh sesiapa juga;
- 2.3 tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang menghalang perjalanan dan urusan Universiti seperti memulaukan kuliah dan sebagainya atau melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang boleh menjaskankan nama baik Universiti;
- 2.4 menghormati para pegawai dan pensyarah Universiti;
- 2.5 bekerjasama dengan Pengetua–Pengetua Kolej Kediaman dan patuh kepada peraturan-peraturan Kolej Kediaman sama ada anda penghuni atau tidak;
- 2.6 mengambil bahagian dalam semua kegiatan akademik, kebudayaan, sukan serta khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh Universiti untuk anda; dan
- 2.7 menjelaskan semua yuran yang dikenakan pada tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.

## 3. Peraturan Pakaian

Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki mematuhi Peraturan Pakaian yang ditetapkan seperti berikut:

- 3.1 Peraturan Pakaian Pelajar Lelaki
  - 3.1.1 setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai dan kemas iaitu berseluar panjang dengan berbaju kemeja lengan panjang dan bertali leher. Bahagian bawah baju hendaklah dimasukkan ke dalam bahagian seluar pada paras pinggang;
  - 3.1.2 berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju. Fesyen rambut tidak keterlaluan dan perlu bersesuaian dan kemas;
  - 3.1.3 memakai seluar panjang yang bersih, kemas dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan sama sekali;

- 3.1.4 memakai pakaian sukan yang sesuai semasa bersukan atau berekreasi;
- 3.1.5 memakai kasut kulit dan berstokin.

### 3.2 Peraturan Pakaian Pelajar Perempuan

- 3.2.1 Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai, seperti berbaju kurung, kebaya labuh atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai, kemas dan tidak menjolok mata. Baju mestilah berlengan panjang atau paras siku dan tidak sendat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan;
- 3.2.2 Pelajar Islam digalakkan bertudung tetapi tidak menutup sebahagian atau seluruh daripada muka (berpurdah);
- 3.2.3 Memakai seluar yang bersesuaian, bersih dan sopan. Jeans dan kemeja T tidak dibenarkan sama sekali;
- 3.2.4 Memakai “make-up”, aksesori dan pewangi secara sederhana;
- 3.2.5 Memakai kasut yang menutup jari kaki, lereng kaki dan tumit.

### 4. Program Yang Ditawarkan


Program yang ditawarkan kepada anda adalah muktamad berdasarkan kepada kelayakan yang anda miliki dan anda **tidak dibenarkan menukar program pengajian**. Anda juga **tidak dibenarkan menangguh kemasukan** ke UPSI. **Menangguh kemasukan akan dianggap menolak tawaran**.

### 5. Kuliah

Kuliah akan bermula pada **21 MAC 2022 (Isnin)** iaitu satu (1) minggu selepas minggu suai kenal berlangsung tetapi anda dikehendaki mendaftarkan diri lebih awal seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran. Sila pastikan anda mencetak slip Pendaftaran Kursus & Jadual Kuliah yang akan dipaparkan di MyUPSI Portal masing-masing bermula pada **18 MAC 2022 (Jumaat)**.

## 6. Panduan Capaian Sistem Maklumat Bersepadu Universiti (SMBU) & Emel Pelajar

- SMBU boleh dicapai menerusi gerbang di <http://login.upsi.edu.my/>.
- Senarai aplikasi pelajar adalah seperti berikut:



- Pelajar boleh mengakses SMBU (eMySIS, Portal MyUPSI, Portal LMS MyGuru) menggunakan satu (1) akaun pengguna dengan panduan seperti berikut :

**KATA NAMA :** < Huruf pertama no matrik + 6 digit terakhir nombor matrik >

**Contoh :** Bagi No. Matrik **D20021012345**, **Kata nama = D012345**

**KATA LALUAN :**

<Nombor Kad Pengenalan tanpa '-' ATAU nombor pasport> bagi login kali pertama

**Contoh :** **770707077777** atau **WR120345**

- Pelajar disediakan akaun emel rasmi sepanjang pengajian di UPSI

**KATA NAMA :** <**Id Portal MyUPSI Portal**>@**siswa.upsi.edu.my**

**Contoh :** [\*\*D012345@siswa.upsi.edu.my\*\*](mailto:D012345@siswa.upsi.edu.my)

**KATA LALUAN :** Kata laluan emel default boleh disemak melalui Portal MyUPSI. Sebarang masalah berkaitan emel, boleh dikemukakan melalui emel ke [support@siswa.upsi.edu.my](mailto:support@siswa.upsi.edu.my)

- Sistem Pengurusan Kata laluan

Pelajar boleh mengemaskini dan reset kata laluan bagi akaun SMBU masing-masing secara kendiri.

# PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

## 1. Pemeriksaan Kesihatan

Saudara/i **WAJIB** membuat pemeriksaan kesihatan di **Pusat Kesihatan UPSI**. Borang ini **WAJIB** dihantar pada hari pendaftaran di **Kaunter Pusat Kesihatan**. **Pusat Kesihatan akan menetapkan tarikh pemeriksaan kesihatan di UPSI dan sila lihat di tarikh jemu janji di MyUPSI Portal masing-masing selepas mendaftar di UPSI.**

## 2. Bayaran Yuran Pendaftaran

- 2.1 Saudara/i **WAJIB** menjelaskan bayaran yuran pengajian sebelum mendaftar. Pembayaran secara *online* boleh dibuat melalui portal pembayaran **ePayment@UPSI atau JomPay**. Perincian dan kaedah lain pembayaran yuran adalah seperti di **Lampiran A atau pautan <http://bit.ly/upsipay>**.
- 2.2 Saudara/i juga boleh membuat bayaran yuran di mana-mana cawangan **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** yang berdekatan dengan mengemukakan **kad pengenalan** dan **surat tawaran kemasukan online**.
- 2.3 Sekiranya saudara/i menghadapi sebarang masalah mengenai pembayaran, sila hubungi **Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari di talian 015-4879 7738 / 7744 / 7755/ 7733 atau e-mel kan ke ukpk@bendahari.upsi.edu.my**.
- 2.4 Jika saudara/i ingin menarik diri dari pengajian. Berikut adalah **kadar bayaran balik yuran** berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke 125 Bil. 5/2019 bertarikh 27 September 2019

Tempoh/ Perkara	Kadar Bayaran	Catatan
• Menolak tawaran atau tidak mendaftar	• Keseluruhan yuran yang dibayar	• Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Memo / Surat Pengesahan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.
• Minggu Orientasi	• 100% yuran-yuran kecuali pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan	• Kelayakan bayaran hanya bagi semester pertama sahaja • Tempoh bayaran balik yuran adalah berdasarkan tarikh permohonan menarik diri

<b>Tempoh/ Perkara</b>	<b>Kadar Bayaran</b>	<b>Catatan</b>
• Tidak lebih 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	• antarabangsa • 50% yuran-yuran kecuali yuran pendaftaran, pemeriksaan kesihatan dan yuran pengurusan antarabangsa	• Permohonan bayaran balik perlu dikemukakan bersama Surat Kelulusan Menarik Diri oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.
• Selepas 4 minggu (28 hari) dari tarikh permulaan semester	• Tiada bayaran balik	

### 3. Pembukaan Akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

- Pelajar UPSI adalah WAJIB mempunyai akaun simpanan BIMB.
- UPSI akan membuka akaun simpanan BIMB bagi pihak pelajar (sekiranya belum ada).
- Tiada sebarang deposit pembukaan akaun simpanan dikenakan.
- Akaun simpanan BIMB tersebut hendaklah digunakan semasa permohonan PTPTN.
- Pelajar yang sedia ada mempunyai akaun BIMB tidak perlu membuka akaun yang baru. Pastikan akaun BIMB tersebut berstatus aktif.
- Hebohan semakan nombor akaun simpanan BIMB (akaun yang dibuka oleh UPSI) akan dimaklumkan secara SMS. Pelajar juga boleh dapatkan makluman di Facebook BendahariUPSI.
- Pelajar perlu mengaktifkan Akaun simpanan BIMB (akaun yang dibuka oleh UPSI) dimana-mana Cawangan Bank Islam berdekatan bagi mengesahkan pemilik akaun bank.
- Dokumen yang perlu dibawa adalah **Kad Pengenalan** dan **Surat Tawaran Online**.
- Akaun simpanan BIMB yang tidak diaktifkan akan menyebabkan bayaran wang tajaan atau pinjaman PTPTN tidak dapat dikreditkan ke akaun tersebut.

#### 4. Bantuan Kewangan

- Saudara/i boleh memohon bantuan kewangan daripada agensi atau pertubuhan lain seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Yayasan-yayasan Negeri, Bank atau Institusi Kewangan, kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya.
- Borang Pengesahan pembayaran yuran bagi permohonan mengeluarkan wang melalui **Skim Pengeluaran Pendidikan KWSP** boleh didapati dengan e-melkan permohonan surat pengesahan KWSP ke [ukpk@bendahari.upsi.edu.my](mailto:ukpk@bendahari.upsi.edu.my). Panduan permohonan boleh dirujuk dipautan ini <http://bit.ly/suratupsi>.
- Walau bagaimanapun borang bagi pengeluaran wang KWSP hanya boleh didapati di cawangan-cawangan KWSP sahaja.
- Untuk maklumat lanjut, saudara/i boleh merujuk kepada **Unit Kewangan dan Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar di talian 015-48797744/7760**

#### 5. Persediaan Pakaian dan Keperluan Lain

Saudara/i dikehendaki membawa pakaian dan keperluan berikut:

- Pakaian semasa melapor diri (Rujuk Peraturan-Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Etika Berpakaian Dan Sahsiah Rupadiri Pelajar) 2014)

Lelaki : berpakaian kemas dengan Baju Kemeja berseluar Slack hitam (**baju T, jeans, selipar/'sandal' tidak dibenarkan**)

Perempuan : berpakaian kemas dan sopan mengikut etika pakaian yang telah ditetapkan (**baju T, jeans, selipar/'sandal' tidak dibenarkan**)

- Pakaian kuliah/tutorial dan urusan rasmi universiti (mengikut Kod Etika Pakaian Universiti)

Lelaki : pakaian pejabat/bertali leher

Perempuan : pakaian kemas dan sopan seperti Etika Berpakaian Dan Sahsiah Rupadiri Pelajar) 2014)

## 6. Pakaian semasa membaca ikrar

Saudara/i **WAJIB** membawa & memakai pakaian yang telah ditetapkan oleh Universiti semasa membaca ikrar (disediakan sendiri oleh pelajar).

<b>● Pelajar Muslim</b>	
Lelaki	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Baju kemeja putih berlengan panjang dan berseluas ‘slack’ hitam</li> <li>✓ Tali leher</li> <li>✓ Stoking hitam</li> <li>✓ Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan/sandal)</li> </ul>
Perempuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Baju kurung berwarna putih dan tudung berwarna putih</li> <li>✓ Berkain hitam labuh untuk dipakai bersama baju kurung</li> <li>✓ Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan) yang menutup jari dan lereng kaki dan tumit</li> </ul>
<b>● Pelajar Bukan Muslim</b>	
Lelaki	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Baju kemeja putih berlengan panjang dan berseluas ‘slack’ hitam</li> <li>✓ Tali leher</li> <li>✓ Stoking hitam</li> <li>✓ Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan/sandal)</li> </ul>
Perempuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Baju kurung berwarna putih</li> <li>✓ Berkain hitam labuh untuk dipakai bersama baju kurung</li> <li>✓ Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan) yang menutup jari dan lereng kaki dan tumit</li> </ul>

## 7. Sijil dan Salinan Sijil

Saudara/i **diWAJIBKAN** membawa sijil-sijil asal dan **salinan sijil-sijil akademik/dokumen lain yang telah disahkan**, hanya sijil-sijil/dokumen yang disahkan sahaja diterima untuk urusan pendaftaran. Sila **UPLOAD SATU SALINAN SAHAJA** sijil-sijil berikut ke dalam URL <https://oais.upsi.edu.my/evaultonline/>




\* Semua salinan mestilah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A (Pegawai Kerajaan yang mempunyai Ijazah)

DOKUMEN	TINDAKAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. 1 Salinan Kad Pengenalan (dipalang disudut atas kiri)</li> <li>ii. 1 Salinan kad OKU (jika berkenaan)</li> <li>iii. 1 Salinan Surat Beranak/Sijil Lahir</li> <li>iv. 1 Salinan Surat Tawaran</li> <li>v. 1 Salinan Sijil SPM</li> <li>vi. 1 Salinan Sijil STPM/STAM/Diploma dan Transkrip /Matrikulasi/Asasi</li> <li>vii. 1 Salinan Sijil MUET</li> <li>viii. Borang Perakuan Pelepasan Tuntutan Penempatan</li> <li>ix. Borang Pengesahan Pendapatan</li> </ul>	<p>Saudara/i dikehendaki :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Muat Naik (<i>Upload</i>) kesemua dokumen di sebelah di URL <a href="https://oais.upsi.edu.my/evaultonline/">https://oais.upsi.edu.my/evaultonline/</a></li> <li>2. Mohon imbas salinan dokumen berkenaan dalam bentuk PDF sahaja.</li> <li>3. Sila muat naik (<i>upload</i>) salinan dokumen berkenaan sebelum mendaftar pada hari pendaftaran di UPSI.</li> </ol> <p>* Semua salinan mestilah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A (Pegawai Kerajaan yang mempunyai Ijazah) sebelum diimbas dan dimuatnaik ke dalam sistem disediakan.</p>

# PANDUAN KE TANJONG MALIM

1. Bagi saudara/i yang tiba dengan penerbangan, bolehlah datang ke Kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan menaiki teksi atau bas dari Lapangan Terbang. Kadar tambang teksi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang adalah dalam anggaran RM140.00 dan ke atas.
2. Bagi saudara/i yang datang dari arah utara, selatan dan timur boleh menggunakan sama ada jalan biasa atau Lebuhraya PLUS dan keluar di persimpangan Tol Tanjong Malim. Jarak Kampus dari Tol Tanjong Malim ialah lebih kurang 15 km.
3. Bagi saudara/i yang datang dengan keretapi, jarak perjalanan dari stesen keretapi ke kampus hampir lima kilometer (10 km). Sila lihat peta panduan yang disertakan.

**LOKASI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
(KAMPUS SULTAN AZLAN SHAH, PROTON CITY)**



# PERTANYAAN

Sekiranya saudara/i mempunyai kemosyikilan mengenai tawaran ini sila hubungi:

<b>Pejabat</b>	<b>Perkara</b>	<b>No.Telefon</b>
Bahagian Hal Ehwal Akademik	- Surat Tawaran - Tarikh Lapor Diri - Jadual Kuliah	015-48797982/7872/ 0134153016  015-48797985/7875/ 0134623026
Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP)	PTPTN	015-48797149
	Minggu Orientasi Pelajar	015-48797831/7832/7837
	Pemeriksaan Kesihatan	05- 4506668/6672
Bendahari	-Yuran -Kaedah Bayaran Yuran -Pengeluaran KWSP	015 – 48797744 / 7738 / 7733 / 7755